

**TEKS UCAPAN
TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CINTAI SUNGAI KITA
ANJURAN TOYOTA ECO RANGER
SUNGAI BERHAMPIRAN STESEN MINYAK CALTEX, SEBERANG JAYA
27 JUN 2012
9.00 PAGI**

Terima kasih pengacara Majlis.

Yang Berusaha Tuan Haji Rosli bin Abdul Jalil

- Wakil dari JPS Daerah SPT

Yang Berbahagia En. Sobri bin Mohamed

- Guru Kanan Sains SMK Tinggi Bukit Mertajam

Penduduk-penduduk Flat Tenggori

Guru-guru serta pelajar-pelajar sekalian.

Assalamualaikum, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pihak sekolah yang menjemput saya untuk merasmikan program ini. Saya rasa program “Cintai Sungai Kita” ini merupakan satu program sejajar dengan misi MPSP dan kerajaan negeri ke arah “Cleaner, Greener, Safer and Healthier” Pulau Pinang. Dalam misi MPSP yang ditetapkan, kita hendak menjadikan Seberang Perai kawasan yang bersih, indah dan selesa diduduki. Ini merupakan tarikan pelaburan kepada anak-anak kita sebab anak-anak ini merupakan generasi akan datang yang akan memasuki alam pekerjaan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak penganjur iaitu UMW Toyota Motors yang telah menyahut seruan MPSP dan Kerajaan Negeri untuk

bersama-sama terlibat dalam program yang sebegini. Dengan kerjasama seperti ini, ia dapat membantu MPSP dalam menjaga kebersihan persekitaran di Seberang Perai.

Kita boleh lihat sehingga kini, masih terdapat orang yang mempunyai tabiat membuang sampah ke dalam sungai. Dengan adanya program ini, ia juga membantu dalam menjaga kualiti air sungai. Ingin saya sampaikan disini kepada semua anak-anak, pembangunan yang kita buat pada hari ini berkonsepkan kepada pembangunan mampat. Pembangunan yang dibuat pada masa ini mestilah boleh dirasakan oleh generasi yang akan datang, kita tidak ingin sungai yang tercemar dan anak-anak kita tidak dapat merasai bagaimana sungai pada masa akan datang.

Untuk makluman semua, MPSP telah menjalankan beberapa program berkaitan dengan alam sekitar iaitu sekolah hijau. Di antara kriteria-kriteria yang terdapat dalam sekolah hijau adalah:

1. 4R (Rethink, Reuse, Reduce, Recycle).
 - Rethink yang dimaksudkan disini adalah berfikir sebelum membeli dan hanya membeli barang-barang yang diperlukan sahaja
2. Sisa makanan yang boleh dikompos
3. Minyak masak guna semula untuk dijadikan sabun
4. Cara-cara pihak sekolah mengurangkan penggunaan kuasa elektrik dan lain-lain lagi.

Baru-baru ini, MPSP juga telah melancarkan Program Sisa Sifar dengan sekolah. Diantara sekolah yang mengambil bahagian dalam projek Sisa Sifar bersama MPSP ialah :-

- SK Permatang To' Kandu, Permatang Pauh yang menjadi sekolah pertama terlibat dengan program ini.
- SJK (C) True Light, Juru
- SK Jawi

- SMK Dato' Onn, Butterworth

Dengan mengubah sikap, kita boleh menikmati keindahan sungai-sungai dan dapat bersiar-siar bersama keluarga di tepi sungai.

Di samping itu, program menghasilkan *mudball* atau bebola tanah yang MPSP jalankan bersama komuniti, industri dan sekolah-sekolah sedikit sebanyak telah membantu meningkatkan tahap kualiti air di sungai-sungai yang didapati tercemar. Bebola tanah mempunyai mikro yang baik untuk membersihkan kualiti air. Contohnya kajian yang telah MPSP lakukan di parit monsun yang terdapat di belakang bangunan MPSP yang pada mulanya didapati sungai ini berada dalam indeks kualiti air yang tidak memuaskan dan sejak kebelakangan ini setelah dilakukan usaha membaling *mudball* ke dalam sungai tersebut dan hasilnya, kualiti air di parit monsun itu bertambah baik.

Untuk makluman semua, sehingga kini MPSP bersama 12 organisasi yang terlibat telah berjaya menghasilkan sebanyak 42150 *mudball* atau bebola tanah untuk dibalingkan ke beberapa sungai dan parit monsun yang tercemar.

Oleh itu, saya berharap agar pihak sekolah terutamanya SMK Tinggi Bukit Mertajam sentiasa bersedia bersama-sama dengan MPSP untuk mencapai objektif atau visi MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami , bekerja serta tarikan pelaburan.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Cintai Sungai Kita ini.

Sekian terima kasih.